

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**  
**[ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : 21 MAC 2016 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) adakah Kerajaan akan mewujudkan praktis pengasingan kuasa eksekutif dan pihak pentadbiran dan bilakah Peguam Negara berhak menjadi ahli LTH, MAWIP dan PTPTN; dan
- (b) alasan kepada pengumuman Peguam Negara menutup siasatan kes 1MDB.

**JAWAPAN : YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Keahlian Lembaga Tabung Haji ("LTH"), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan ("MAIWP") dan Lembaga Pengurusan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ("PTPTN") diperuntukkan dalam undang-undang masing-masing iaitu:

- (a) Akta Tabung Haji 1995 [Akta 535];
- (b) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam Wilayah Persekutuan 1993 [Akta 505]; dan
- (c) Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 [Akta 566].

2. Berhubung dengan keahlian dalam LTH, tiada peruntukan dalam Akta 535 yang menghalang mana-mana orang untuk dilantik oleh Menteri sebagai ahli LTH sekiranya beliau memenuhi syarat-syarat yang diperuntukkan dalam seksyen 6 Akta 535.

3. Pelantikan Peguam Negara sebagai ahli MAIWP dan ahli Lembaga Pengurusan PTPTN pula merupakan pelantikan melalui undang-undang (*by operation of law*). Ini adalah kerana subseksyen 10(1) Akta 505 dan seksyen 7(2)(b) Akta 566 memperuntukkan secara jelas Peguam Negara atau wakilnya merupakan ahli MAIWP dan Lembaga Pengurusan PTPTN atas jawatannya. Perkara yang sama diperuntukkan bagi jawatan-jawatan kanan Kerajaan yang lain

seperti Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Polis Negara (bagi keahlian MAIWP) serta Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi dan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan (bagi Lembaga Pengurusan PTPTN).

4. Sekiranya timbul isu percanggahan kepentingan (*conflict of interest*) dalam apa-apa perkara tertentu dalam mesyuarat lembaga atau majlis tersebut, maka Peguam Negara boleh mengisytiharkan percanggahan kepentingan dan tidak mengambil bahagian dalam penentuan perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat lembaga atau majlis tersebut.

5. Berhubung dengan siasatan berkaitan dengan 1MDB, ia sedang dijalankan oleh pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan PDRM masih dalam proses melengkapkan siasatan. Hasil siasatan oleh PDRM akan dikemukakan kepada Peguam Negara untuk dibuat keputusan.

Sekian, terima kasih.